

BABII

Bab II

Landasan Teori

1. Konsep Adat dan Istiadat

Pada umumnya adat adalah aturan kebiasaan yang mengikat.¹ Ianya merupakan suatu perbuatan atau perlakuan menurut kebiasaan masyarakat atau bangsa yang berkenaan. Melakukan atau menyempurnakan adat harus mengikuti cara atau susunannya yang tertentu.² Adat dalam sesuatu kebudayaan mempunyai bentuk dan isinya yang serupa pada asasnya. Bagaimanapun dalam perlaksanaan adat pasti terdapat beberapa perbezaan kecil antara golongan-golongan masyarakat yang mengamalkan adat itu.³ Suasana tempat dan pengaruh serta corak kehidupan termasuk juga pergaulan masyarakat sekeliling turut mempengaruhi cara perlaksanaan sesuatu adat.

Adat adalah merupakan pencerminan daripada keperibadian sesuatu bangsa, juga merupakan salah satu jelmaan daripada jiwa bangsa yang bersangkutan dari abad ke abad.⁴ Justeru itu, setiap bangsa di dunia ini memiliki adat kebiasaan yang tersendiri dan tidak sama antara satu dengan yang lain. Disebabkan ketidaksamaan inilah, kita dapat mengatakan bahawa adat itu merupakan unsur yang terpenting dalam memberikan identiti kepada sesuatu bangsa.

¹ C. Van Vollenhoven (1981), *Orientasi Dalam Hukum Adat Indonesia*. Jakarta:Penerbit Djambatan, h. 6.

² Asmad, *op. cit*, h. 1.

³ Solaman B. Taneko, S. H (1987), *Hukum Adat Suatu Pengantar Awal dan Prediksi Masa Mendatang*. Bandung:Eresco Rs Bandung, h. 87.

⁴ Surojo, *op. cit*, h. 13.

Melalui tingkatan peradaban ataupun cara penghidupan yang moden, ternyata tidak mampu menghilangkan adat kebiasaan yang hidup dalam masyarakat bahkan adat tersebut menyesuaikan diri dengan keadaan dan proses peredaran zaman sehingga adat itu menjadi kekal serta tetap segar dan terpelihara. Ianya sentiasa berkembang dan bergerak dalam keadaan evolusi mengikut proses perkembangan peradaban bangsanya.⁵

Menurut Prof. Dr. Supomo S.H, dalam karangan beliau “*Beberapa Catatan Mengenai Kedudukan Hukum Adat*” memberi pengertian hukum adat sebagai hukum yang tidak tertulis di dalam peraturan-peraturan legislatif meliputi peraturan-peraturan hidup yang tidak ditetapkan oleh yang berwajib, tetapi tetap ditaati dan didukung oleh rakyat berdasarkan atas keyakinan bahawasanya peraturan-peraturan tersebut mempunyai kekuatan hukum.⁶

Secara umumnya, adat ialah perkara yang menjadi kebiasaan bagi orang ramai atau segolongan dari mereka yang dilakukan secara berulang-ulang dan dapat diterima oleh tabiat yang sejahtera.⁷ Ia juga merupakan satu etika dan moral dalam pergaulan disamping menjadi pedoman hidup bagi anggota masyarakat.

Adat-istiadat ialah adat atau peraturan yang telah ditetapkan oleh sesuatu bangsa atau masyarakat yang harus dilakukan dengan sepenuhnya terutama apabila perkara adat itu dimajliskan secara rasmi. Contohnya adat-istiadat melantik raja yang memerintah, adat-istiadat menerima anugerah diraja, menerima

⁵ *Ibid*, h. 13.

⁶ *Ibid*, h. 14.

⁷ Al-Mahāni, Şobhi Nahmāssānī (1961), *Falsafah al-Tasyrī Fī al-Islām*. c.3. Beirut: Darul ‘Ilmi Li al-Malāyin, h. 236.

gelaran atau perlantikan dan seumpamanya. Ringkasnya sesuatu adat yang telah ditentukan bentuk atau tatacaranya adalah termasuk dalam bahagian adat-istiadat.

2. Pembahagian Adat

Pada dasarnya bentuk dan jenis adat dapat dibahagikan kepada tiga iaitu adat-istiadat, adat resam dan adat yang telah teradat.

2.1. Adat-Istiadat

Setiap masyarakat budaya di dunia ini, terutama masyarakat bangsa yang tinggi tamadunnya bukan sahaja lengkap dan teratur adat istiadatnya malah mereka amat menjaga susunan adat bangsanya. Lebih daripada itu, mereka sentiasa mempertingkatkan nilai adatnya serta cuba pula mempengaruhi masyarakat dan bangsa lain mencontohi atau mengikut adat istiadat mereka.⁸

Setiap bangsa di dunia ini sentiasa mengkaji serta memperkemaskan budaya adat mereka agar sentiasa sesuai dengan perkembangan hidup dan perubahan zaman. Sebenarnya tidak begitu ketara perbezaan antara adat resam dengan adat-istiadat. Perbezaan hanya terletak pada tempat dan kepentingan sesuatu adat itu dilakukan. Dengan demikian semua jenis adat yang disebut dalam kajian ini diistilahkan sebagai adat sahaja. Bagaimanapun adat-istiadat membawa –

⁸ Muhammad 'Ariff Ahmad (1993), *Bicara Tentang Adat dan Tradisi*. t.t.p.Pustaka Nasional Pte Ltd, h. 4

maksud: "Adat yang diupacarakan atau dilakukan mengikut peraturan dan aturan yang telah ditentukan mengikut adat".⁹

Lebih jelas lagi dapat difahamkan, adat-istiadat dilakukan dalam sesuatu majlis khas. Di negeri-negeri yang memakai pemerintahan beraja, perlantikan raja yang memerintah, adat bertemu dan menghadap raja dan segala sesuatu yang berkaitan dengan kedaulatannya mempunyai adat-istiadat yang tertentu. Sementara itu dalam adat resam perkahwinan orang kebanyakan atau masyarakat umum, adat naik tanda, upacara menyerahkan cincin adalah merupakan adat-istiadat juga tetapi upacara yang dijalankan tidaklah seperti adat-istiadat di kalangan istana. Tegasnya sesuatu adat akan diistiadatkan mengikut keperluan tertentu.¹⁰

Di zaman kini adat-istiadat dilakukan pada setiap peristiwa penting, baik oleh pemerintah sesebuah negara, institusi-institusi dan sebagainya. Peristiwa-peristiwa yang dimaksudkan antaranya ialah perlantikan-perlantikan jawatan utama pemerintah, pembukaan-pembukaan rasmi persidangan, perasmian sesuatu bangunan atau tempat istimewa dan lain-lainnya. Dalam hubungan ini susunan upacara adat-istiadat yang dilakukan adalah mengikut keperluan semasa, namun pada umumnya berdasarkan kepada adat-istiadat tradisi yang telah diperbaharui atau diubahsuai bentuk dan coraknya.¹¹

Adalah jelas bahawa adat-istiadat merupakan ciri yang khusus dalam kebudayaan dan kehidupan manusia sepanjang zaman. Ia tidak boleh dianggap

⁹ Abdullah, *op. cit.*, h. 10

¹⁰ Asmad, *op. cit.*, h. 13

¹¹ *Ibid.*

sebagai suatu upacara sampingan atau perkara remeh kerana pada hakikatnya ia merupakan aturan dan perturan melakukan sesuatu. Tujuan utamanya ialah memberikan erti dan nilai kepada sesuatu peristiwa atau perkara yang dilakukan dalam hidup kita, baik sebagai peribadi, masyarakat, golongan mahupun negara.¹²

2.2. Adat-Resam

Adat resam ialah kebiasaan-kebiasaan adat yang dilakukan. Ia merupakan amalan biasa yang dilakukan dalam masyarakat dan sering pula mengalami perubahan demi perubahan malah banyak daripada adat resam itu ditinggalkan orang.¹³ Adat resam ini boleh dibahagikan kepada beberapa kategori iaitu;

a) Adat-Resam Berumahtangga

Adat resam berumahtangga dalam masyarakat atau lebih dikenali sebagai adat resam kekeluargaan ini adalah lebih menekankan kepada peranan ibubapa sebagai raja atau permaisuri yang bertanggungjawab mengendalikan masalah rumah tangga. Adat ini menekankan agar keduanya mesti dihormati dan ditaati sebagaimana rakyat memberikan kesetiaan dan ketakutan kepada raja.¹⁴

Di dalam adat ini juga disentuh tentang adat dengan jiran-jiran sekampung di mana sekiranya ada berlaku sebarang kematian, kemalangan dan jiran yang baru berpindah maka sekurang-kurangnya jiran-jiran akan datang membantu

¹² *Ibid*, h. 6

¹³ 'Ariff, *op. cit.*, h. 4

¹⁴ Syed Alwi Sheikh Al-Hadi (1980), *Adat Resam dan Adat Istiadat Melayu*. Kuala Lumpur:Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2

dalam menghulurkan sebarang bantuan yang diperlukan mengikut kemampuan masing-masing.¹⁵

b) Adat-Resam Bersekampung

Adalah diadatkan oleh adat resam dari zaman dahulu supaya setiap orang penduduk di dalam sebuah kampung terutamanya seorang lelaki, dapat berhubung rapat dengan ketua kampung atau penghulu mukimnya supaya hal keadaannya diketahui dan dalam perhatian ketuanya. Tiap-tiap seorang penduduk kampung juga hendaklah menjalankan usaha bagi faedah masyarakat kampung atau mukim dengan cara bergotong royong¹⁶ bak kata pepatah, “*Berat sama dipikul, ringan sama dijinjing*”.

Budaya ziarah menziarahi tetangga di sekitar kampung juga diamalkan jika berlaku sebarang kematian atau kemalangan. Manakala bagi orang yang baru berpindah ke kampung tersebut, hendaklah memaklumkan terlebih dahulu hal perpindahannya kepada ketua kampung atau penghulu mukim berkenaan atau kepada siak atau imam masjid kampung berkenaan supaya dapat dikhabarkan kepada penduduk-penduduk yang lain dan seterusnya dapat membantu jiran baru mereka.¹⁷

Walaubagaimanapun terdapat beberapa aspek adat resam dalam kehidupan masyarakat secara umumnya yang tetap diamalkan, antaranya termasuklah adat

¹⁵ H. M Sidin (1964), *Asal Usul Adat Resam Melayu*. Kuala Lumpur: Penerbitan Pustaka Antara, h. 9

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*

yang bersangkutan dengan perkahwinan seperti adat resam dalam memilih jodoh, bertunang , persiapan untuk majlis perkahwinan dan sebagainya. Selain itu, masih dilakukan juga adat resam bertindik bagi kanak-kanak perempuan, berkhatan bagi kanak-kanak lelaki, kenduri-kendara dan sebagainya.¹⁸

2.3. Adat Yang Telah Teradat

Antara tiga jenis adat yang disebutkan di atas, adat yang telah teradat dianggap sebagai suatu ciri kehidupan yang pasti dialami oleh setiap orang. Suka atau tidak, disedari atau tidak ia pasti dialami oleh setiap orang dalam hidupnya.¹⁹ Seperti yang telah dinyatakan, adat yang telah teradat membawa erti, perkara-perkara yang memang telah demikian akan jadinya “*Adat makan kenyang*”, *Adat pertandingan, tidak menang kalah*” dan banyak lagi.

Peribahasa Melayu menyebutkan, “*Hidup dikandung adat, mati dikandung tanah*”. Maksudnya sudah menjadi ketentuan yang mesti dilalui oleh kita di dalam hidup bermasyarakat iaitu mesti mengikut peraturan-peraturan yang tersedia dan setelah mati di dalam tanahlah tempatnya.

Dalam ungkapan baru, adat yang teradat disebut sebagai “Hukum Alam” atau “*Hukum Hidup*” dan kerap juga disebut dalam percakapan dengan menggunakan ungkapan sebagai “*Lumrah Alam*”.²⁰ Dalam peribahasa Melayu banyak menyebutkan tentang adat yang teradat. Antaranya disebut, “*Lain Padang Lain Belalang*”, *Lain Lubuk Lain Ikannya*” dan kadang-kadang disambung

¹⁸ Hadi, *op. cit*, h. 3.

¹⁹ Abdullah, *op. cit*, h. 6.

²⁰ *Ibid.*

dengan kata-kata ,” *Lain Negeri Lain Adatnya*”. Adat dalam pergaulan masyarakat disebut dalam peribahasa Melayu , “*Masuk Kandang Kambing Mengembik, Masuk Kandang Kerbau Menguak*”, “*Di Mana Bumi Dipijak, Di Situ Langit Dijunjung*” .

3. Menyambut Kelahiran Bayi Menurut Perspektif Islam

Antara keistimewaan syari'at Islam ialah ia telah menjelaskan segala hukum yang bersangkutan dengan anak yang baru lahir. Demikian juga apa yang berkaitan dengannya dari prinsip-prinsip pendidikan yang penting supaya ibubapa boleh memahami dengan baik serta mempunyai petunjuk dan hidayah dalam melaksanakan segala kewajipannya terhadap anak yang baru lahir. Dengan ini, sudah menjadi satu kewajipan ke atas setiap insan yang sempurna mengikuti asas-asas yang telah ditentukan oleh Islam dan juga mengikuti prinsip-prinsip yang telah dicorakkan oleh pendidik terulung iaitu Rasulullah S.A.W.

Di sini, penulis akan menghuraikan beberapa amalan yang dituntut oleh Islam dalam menyambut kelahiran bayi. Antara yang akan dibincangkan nanti ialah amalan-amalan sewaktu mengandung, ketika menyambut kelahiran seperti memberikan khabar gembira dan tahniah, azan dan iqāmah, bertahnik, mencukur rambut, mengadakan ‘aqiqah dan berkhatan.

3.1 Amalan Ketika Mengandung

Apabila Islam menggariskan kriteria-kriteria tertentu mengenai pemilihan bakal pasangan pengantin terutamanya kriteria agama, maka matlamat utama dari kriteria itu ialah untuk mewujudkan pasangan suami isteri yang sakinah (yang mempunyai ketenangan) dan mahabbah (kasih-sayang). Hasil daripada perkongsian hidup yang bahagia akanlah lahir anak-anak yang soleh.²¹ Firman Allah S.W.T;

هُنَالِكَ دَعَا زَكَرِيَا رَبَّهُ وَقَالَ رَبِّ هَبْ لِي مِنْ لَدُنْكَ ذُرِّيَّةً طَيِّبَةً
إِنَّكَ سَمِيعٌ أَلْدُعَاءِ

Surah Ali-'Imran (3):38

Terjemahan: *Ketika itu Nabi Zakaria berdo'a kepada Tuhannya, katanya: "Wahai Tuhanku! Kurniakanlah kepadaku dari sisiMu zuriat keturunan yang baik, sesungguhnya Engkau sentiasa mendengar (menerima) doa permohonan".*

Terjemahan Surah Ali-'Imran (3):38

Apabila seseorang wanita itu disahkan hamil, ada beberapa perkara penting yang perlu diperhatikan sebagai langkah awal untuk menjamin anak-anak dalam kandungan berada dalam keadaan sihat seterusnya ke arah memperolehi anak yang soleh. Antara amalan-amalan yang disarankan dalam Islam ialah banyak mengingati Allah S.W.T dengan memohon ampun dan taubat. Amalan seperti ini digalakkan kepada ibu-ibu yang hamil supaya Allah akan mengampunkan segala dosa yang telah dilakukan selama ini dan seterusnya akan

²¹ Kumpulan Siri Bimbingan Hukum Jabatan Perdana Menteri (1997), *Irsyad Hukum*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam, h. 114.

membersihkan hatinya daripada perasaan yang tidak baik sebaliknya dapat mentaqarrubkan lagi diri dengan Allah S.W.T.²²

Bagi wanita yang hamil juga dituntut supaya memperbanyakkan amal ibadat seperti mendirikan sembahyang di waktu malam, sembahyang sunat dan sentiasa menutup ‘aurat. Ibu yang hamil juga digalakkan untuk sentiasa membaca do'a-do'a ma'thurat terutamanya setiap kali selepas sembahyang²³ disamping memperbanyakkan membaca al-Qur'an dan memahami isi kandungannya. Antara ayat-ayat al-Qur'an dan surah yang elok dibaca ialah surah al-Fatihah, Yaasin, al-Taubah, Yusuf, Luqman dan al-Nahl iaitu ayat 78 dan surah al-A'raaf ayat 189.²⁴ Dengan amalan membaca surah dan ayat ini selain daripada ibadat lain ia juga dapat memudahkan bersalin, mendapat anak yang sihat sempurna, anak yang şoleh dan şolehah serta patuh dan ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya.²⁵ Manakala sisuami pula adalah dituntut sama untuk memperbanyakkan ‘ibadat, berpuasa sunat terutamanya pada hari yang disunatkan berpuasa.

Demikian antara amalan-amalan yang digalakkan oleh Islam ke atas ibu-ibu yang mengandung agar mendapat ganjaran pahala daripada Allah S.W.T dan diharapkan anak yang bakal dilahirkan nanti akan menjadi seorang insan yang menta'ati Allah, Rasul serta kedua ibubapanya.

²² Abdul Wahid Baharon (1992), *Menangani Kehamilan Secara Islam*. t.t.p: Penerbit Sabha-DTP Services Sdn. Bhd., h. 23,

²³ Wahid, *op. cit.*, h. 24.

²⁴ Abu 'Afiqah (1996), *Amalan Ketika Mengandung dan Setelah Bersalin Serta Panduan Menamakan Bayi*. Kuala Lumpur: Darul Nu'man, h. 21.

²⁵ Ibid.

3.2 Amalan Ketika Menyambut Kelahiran

Dalam hubungan menyambut kelahiran anak, Islam telah menggariskan cara yang sebaik-baiknya diantaranya ialah seperti memberi khabar gembira dan ucapan tahniah di atas kelahiran anak, menyeru azan dan iqāmah, mentahnik, mencukur rambut, ‘aqiqah dan berkhatan.²⁶

a) Memberikan Khabar Gembira dan Ucapan Tahniah

Adalah menjadi kebiasaan naluri manusia suka dan senang dengan khabar-khabar gembira. Justeru itu, Islam menggalakkan umatnya agar mengembirakan saudara muslimnya yang lain. Oleh itu dalam menyambut kelahiran anak, Islam menggalakkan umatnya agar mengkhabarkan berita gembira tersebut kepada saudara mara atau jiran tetangga serta sesiapa sahaja yang dikenali.²⁷

Tujuan ini jelas supaya mengeratkan lagi hubungan silaturrahim dan dapat menjalinkan ikatan kemesraan di kalangan mereka. Sebenarnya untuk memberitakan khabar gembira itu bukanlah berupa jalinan atau rangkaian kata-kata yang tidak mempunyai asas tertentu atau suatu kebiasaan yang baru tumbuh dalam masyarakat moden sekarang ini, tetapi suatu amalan yang telah lama wujud.²⁸ Al-Qur'an sendiri yang merupakan sumber perundangan Islam yang utama menceritakan tentang anjuran atau galakan ini.²⁹ Al-Qur'an telah menceritakan bagaimana Allah S.W.T telah mengkhabarkan berita gembira

²⁶ Abdullah 'Ulwan (1991), *Menyambut Kelahiran : Sikap Islam dan Peranan Ibu bapa*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, h. 59.

²⁷ Nasyat al-Maṣri (1990), *Menyambut Kelahiran Bayi*. Jakarta: Penerbit Buku Andalan, h. 29.

²⁸ Bimbingan Hukum, *op.cit.*, h. 117.

²⁹ *Ibid.*

kepada beberapa orang Rasul-Nya tentang kelahiran putera bagi Rasul-Rasul itu. Berita ini memberikan kesan kejiwaan yang sangat mendalam kepada para Rasul. Firman Allah S.W.T dalam menceritakan kisah Nabi Zakaria a.s;

يَنْزَكِيَا إِنَّا نُبَشِّرُكَ بِغُلَمٍ أَنَّمِهُ وَيَحْتَسِنُ لَمْ تَجْعَلْ لَهُ وَ

مِنْ قَبْلُ سَمِيَّاً

Sūrah Maryām (16):7

Terjemahan: (*Nabi Zakaria diseru setelah dikabulkan do'anya*): "Wahai Zakaria! Sesungguhnya Kami memberikan khabar yang mengembirakanmu, dengan mengurniakan seorang anak lelaki bernama Yahya, yang Kami tidak pernah jadikan sebelum itu, seorang pun yang senama dengannya".

Terjemahan Sūrah Maryām (16):7

Ini adalah sebagai petunjuk dan memberi pengajaran kepada umat Islam bahawa berita yang mengembirakan itu memberi kesan yang besar dalam menyubur dan menguatkan hubungan kemasyarakatan di kalangan mereka.³⁰ Demikian juga bagi sesiapa yang mendengar berita gembira tentang saudaranya atau sahabat- handainya yang baru menerima cahayamata, disunatkan supaya bersegera mengucapkan tahniah kepada mereka atas anugerah dan nikmat Allah itu dengan iringan do'a agar kehidupan mereka dirahmati Allah S.W.T.³¹

³⁰ Ulwan, *op. cit.*, h. 2

³¹ Bimbingan Hukum, *op.cit.*, h.30

b) Menyeru Azan dan Iqāmah

Di antara amalan sunat yang dianjurkan oleh Islam kepada umatnya ketika menyambut kelahiran anak ialah mengazankannya di telinga kanan dan mengiqāmahkan di telinga kirinya. Kedua-dua amalan ini hendaklah dilakukan sejurus selepas kelahiran anak.³² Hal ini bertepatan dengan apa yang telah dilakukan oleh Rasulullah S.A.W setiap kali baginda menerima kelahiran cucu. Sebagaimana disebutkan oleh ḥadīth yang diriwāyatkan oleh Abū Daud dan al-Tirmidzi daripada Abū Rāfi',³³

رأيت رسول الله صلى الله عليه وسلم أذن في أذن الحسن بن علي حين ولدته فاطمة

(Hadith riwayat Abū Daud)

Maksudnya : “Aku telah melihat Rasulullah S.A.W mengazarkan di telinga Hasan bin ‘Ali ketika dia dilahirkan oleh ibunya Fatimah”.

Antara hikmat dan tujuan azan dan iqāmah ke telinga anak yang baru dilahirkan agar kalimah yang pertama kali didengar oleh anak itu ialah kalimah tauhid iaitu kalimah yang mengakui keagungan Allah S.W.T dan keesaan-Nya. Kalimah ini juga akan didengarnya apabila mengakhiri kehidupan dari dunia ini.³⁴ Ianya merupakan petunjuk iman yang perlu ditanam ke dalam jiwa anak-anak sejak ianya baru dilahirkan lagi. Seruan azan dan iqāmah juga adalah sebagai usaha untuk memohon perlindungan daripada gangguan syaitan yang ingin mengalah haluan kepada jalan-jalan yang terkutuk dan dilaknati oleh Allah .

³² al-Maṣrī, *op. cit.*, h. 30

³³ Muḥammad Al-Syarbīnī Al-Khaṭīb (t.t), *Al-Iqna' Fi Ḥal al-Fāz̄h Abī Syuja'*, Juz. 2. Pulau Pinang: Maktabah Wa Matba'ah Dār al-Ma'arif, h. 282.

³⁴ *Ibid.*

S.W.T.³⁵ Semua hikmah yang disebutkan ini jelas menunjukkan Islam amat mengambil berat tentang ‘aqidah, tauhid dan iman serta menghalau godaan nafsu syaitan sejak anak itu mula mencium bau dunia.

c) Bertahnik

Amalan lain yang disunatkan supaya dilakukan kepada anak yang baru lahir ialah bertahnik. Tahnik ini dilakukan dengan mengutamakan mengunyah *ruṭab* (kurma yang matang sebelum menjadi tamar) kemudian barulah tamar.³⁶ *Ruṭab* atau kurma yang dikunyah akan diletakkan dihujung jari kemudiannya dimasukkan ke dalam mulut anak tersebut secara perlahan-lahan dengan menggerakkan jari ke kanan dan ke kiri mulutnya. Sekiranya sukar untuk mendapatkan *ruṭab* atau kurma boleh juga digantikan dengan apa sahaja yang manis seperti anggur kering (kismis) dan seumpamanya yang belum disentuh api³⁷.

Adalah lebih *afdal* orang yang melakukan tahnik ini diserahkan kepada mereka yang 'alim dan wara' atau golongan ulama' agar memperolehi keberkatan. Amalan ini mempunyai hikmat-hikmat yang tersendiri di antaranya ialah untuk membekalkan masa depan si anak dengan keimanan yang teguh kepada Allah dan Rasul-Nya.³⁸ Selain daripada itu, bertahnik juga dapat menguatkan urat-urat mulut anak yang baru lahir disamping menguatkan dua tulang rahangnya dan

³⁵ *Ibid*.

³⁶ Abī Yaḥyā Zakaria Al-Anṣārī (m. 825-925M), *Fath al-Wahhāb Bi Syarḥ Manhaj al-Tullāb*. Juzuk 2, t.t.p: t.p, h. 190

³⁷ Muhammad 'Ali Qutb (1988). *Sang Anak Dalam Naungan Pendidikan Islam*. Bandung: Penerbit C.V Diponegoro, h. 37.

³⁸ *Ibid*.

memudahkannya ketika menghisap susu ibunya . Dari sudut kesihatan pula, bertahtnik dapat menggerakkan sebahagian daripada pangkal usus perut bagi membantu proses penghadaman.

d) Mencukur Rambut

Mencukur rambut juga adalah merupakan amalan yang sunat dilakukan ke atas anak yang baru dilahirkan. Ini dilakukan sebaik-baiknya pada hari ketujuh kelahirannya³⁹. Kemudian rambut tersebut akan ditimbang dan disunatkan bersedekah dengan emas dan perak seberat timbangan rambut yang dicukur kepada fakir miskin jika berkemampuan.⁴⁰ Ianya juga boleh digantikan dengan nilaiang wang atau sebagainya mengikut kemampuan ibubapanya.

Amalan mencukur rambut anak ini mempunyai matlamat yang tertentu di mana ia akan memberi suatu kesan yang amat baik kepada anak tersebut. Dari sudut kesihatan, ia boleh mempercepatkan proses pertumbuhannya semula, menghilangkan selaput kulit kepala dan juga memberikan daya kekuatan dan ketajaman pada penglihatan mata, hiduan hidung dan pendengaran telinga.⁴¹ Ini kerana liang-liang atau lubang rambut anak yang terbuka itu dapat memberikan kekuatan kepada anggota pancaindera tadi untuk berfungsi dengan lebih baik dan cergas.⁴²

³⁹ Nasy'at al-Maṣri (1990), *Menyambut Kelahiran Bayi*. Jakarta: Penerbit Buku Andalan, h. 33.

⁴⁰ *Ibid.*

⁴¹ Ulywan, *op. cit.*, h.8

⁴² Ali, *op. cit.*, h. 37.

Dari sudut kemasyarakatan pula, ia akan memberi peluang untuk bersedekah dengan timbangan berat rambut yang dicukur sebagai salah satu usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T disamping mengikut sunnah Rasulullah S.A.W. Kesempatan ini juga akan dapat membantu fakir miskin yang memerlukan bantuan. Ini merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam agar umatnya sentiasa membantu fakir miskin disamping dapat menjalankan kemesraan dan hubungan silaturrahim.⁴³

e) Mengadakan 'Aqiqah

Jumhur ulama' telah sepakat mengatakan bahawa hukum 'aqiqah adalah sunat mu'akkadah iaitu sunat yang sangat digalakkan oleh Islam.⁴⁴ 'Aqiqah dituntut oleh Islam bukan sahaja bertujuan untuk menghidupkan sunnah Rasulullah S.A.W bagi mencari keredaan Allah S.W.T tetapi juga dituntut bagi melahirkan tanda kesyukuran ibubapa di atas anugerah cahayamata atau zuriat sebagai penyambung keturunan. Disamping itu, ia juga merupakan latihan untuk umat Islam dalam melakukan sedikit pengorbanan.⁴⁵

Orang yang disunatkan membuat 'aqiqah untuk anak yang baru dilahirkan ialah orang yang wajib memberi nafkah kepada anak tersebut iaitu bapa atau ibunya sekalipun mereka itu orang fakir atau miskin. Sebarang perbelanjaan untuk melaksanakan 'aqiqah hendaklah diambil daripada wang atau harta bapa atau ibu itu sendiri dan tidak boleh diambil dari harta anak yang hendak di'aqiqahkan kerana 'aqiqah adalah *tabarru'* (sedekah).

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ al-Anṣārī, *op.cit.*, h. 190

⁴⁵ 'Ali, *op. cit.*, h 37.

Dari sudut kemasyarakatan pula, ia akan memberi peluang untuk bersedekah dengan timbangan berat rambut yang dicukur sebagai salah satu usaha untuk mendekatkan diri kepada Allah S.W.T disamping mengikut sunnah Rasulullah S.A.W. Kesempatan ini juga akan dapat membantu fakir miskin yang memerlukan bantuan. Ini merupakan satu amalan yang dituntut dalam Islam agar umatnya sentiasa membantu fakir miskin disamping dapat menjalankan kemesraan dan hubungan silaturrahim.⁴³

e) Mengadakan 'Aqiqah

Jumhur ulama' telah sepakat mengatakan bahawa hukum 'aqiqah adalah sunat mu'akkadah iaitu sunat yang sangat digalakkan oleh Islam.⁴⁴ 'Aqiqah dituntut oleh Islam bukan sahaja bertujuan untuk menghidupkan sunnah Rasulullah S.A.W bagi mencari keredhaan Allah S.W.T tetapi juga dituntut bagi melahirkan tanda kesyukuran ibubapa di atas anugerah cahayamata atau zuriat sebagai penyambung keturunan. Disamping itu, ia juga merupakan latihan untuk umat Islam dalam melakukan sedikit pengorbanan.⁴⁵

Orang yang disunatkan membuat 'aqiqah untuk anak yang baru dilahirkan ialah orang yang wajib memberi nafkah kepada anak tersebut iaitu bapa atau ibunya sekalipun mereka itu orang fakir atau miskin. Sebarang perbelanjaan untuk melaksanakan 'aqiqah hendaklah diambil daripada wang atau harta bapa atau ibu itu sendiri dan tidak boleh diambil dari harta anak yang hendak di'aqiqahkan kerana 'aqiqah adalah *tabarru'* (sedekah).

⁴³ *Ibid.*

⁴⁴ al-Anṣārī, *op.cit.*, h. 190

⁴⁵ 'Ali, *op. cit.*, h 37.

Binatang yang sah disembelih untuk ‘aqiqah adalah sama seperti binatang-binatang yang sah dibuat korban iaitu binatang ternakan berkaki empat seperti unta, lembu, kerbau, kambing, biri-biri dan kibas yang telah cukup umur dan sihat fizikalnya, tidak berpenyakit dan tidak ada sebarang kecacatan anggota-anggota yang boleh dimakan.⁴⁶

Oleh itu, binatang yang sangat kurus, kudung, patah kaki atau pincang, buta, terpotong telinga atau seumpamanya adalah tidak sah untuk dibuat ‘aqiqah. Manakala daging ‘aqiqah pula adalah digalakkan supaya tidak disedekahkan dalam keadaan mentah, bahkan disunatkan memasaknya dengan rasa yang manis bertujuan untuk menaruh harapan yang baik (optimis) terhadap keelokan perangai dan budi pekerti anak yang di‘aqiqahkan.⁴⁷ Daging yang dimasak itu tadi hendaklah diagharkan kepada fakir miskin samada dengan menjemput mereka hadir ke rumah atau menghantarnya ke rumah-rumah mereka dan cara ini adalah lebih *afdal* dan sangat digalakkan.⁴⁸ Harus diingat juga, daging ‘aqiqah haram diberikan kepada orang kafir dan juga haram untuk dijual.

f) Berkhatan

Khatan menurut bahasa ‘Arab ialah memotong *qulfah* iaitu kulit yang menutupi kepala kemaluan lelaki atau memotong sedikit hujung daging yang ada di sebelah atas faraj perempuan.⁴⁹ Berkhatan termasuk di antara amalan-amalan dalam agama yang telah disyari’atkan oleh Allah S.W.T terhadap hambanya. Ia

⁴⁶ *al-Anṣārī*, h. 151

⁴⁷ *Ibid.*, h. 190.

⁴⁸ *Ibid.*

⁴⁹ Abdullah ‘Ulwan, *Tarbiyatol al-Aulād Fi al-Islām*. Juz. 1, t.t.p:Dar al-Salam. h. 109

adalah sebagai pelengkap fitrah yang telah dianugerahkan oleh Allah Ta'ala. Menurut mazhab Syafi'e, berkhatanah adalah wajib ke atas lelaki yang dilahirkan tidak berkhatanah. Para fuqaha' dan Imam yang berijtihad bersepakat bahawa perempuan digalakkan berkhatanah tetapi ia tidak wajib.⁵⁰

Islam menuntut umatnya berkhatanah kerana terdapat beberapa hikmat dan kelebihannya yang tersendiri yang tidak akan diperolehi mereka yang tidak berkhatanah. Penulis membahagikan hikmat-hikmat tersebut kepada dua aspek utama iaitu;

a) Aspek Keagamaan⁵¹

- i) Berkhatanah merupakan kemuncak fitrah, syi'ar Islam dan petunjuk syari'at
- ii) Berkhatanah merupakan pelengkap agama kebenaran yang telah disyari'atkan oleh Allah melalui Nabi Ibrahim (a.s)
- iii) Berkhatanah boleh membezakan antara orang Islam dan penganut agama lain
- iv) Merupakan suatu akuan kehambaan kepada Allah dan tanda kesetiaan juga ketaatan yang tidak berbelah bagi terhadap hukum serta kekuasaan-Nya.

b) Aspek Kesihatan⁵²

- i) Untuk membersihkan zakar, memperelokkan bentuknya dan merangsangkan syahwat.

⁵⁰ 'Ali, *op.cit.*, h. 38

⁵¹ 'Ujwan, *op.cit.*, h. 56.

⁵² Wahid, *op. cit.*, h. 57.

- ii) Untuk menjaga kesihatan tenaga batin serta memelihara diri daripada dihinggapi penyakit kelamin, kanser dan lain-lain penyakit.

Demikian antara hikmah dan kelebihan yang diperolehi oleh orang-orang yang berkhatan. Ianya dapat memberi gambaran kepada kita tentang keindahan Islam serta rahsia-rahsia di sebalik syari'atnya

Berdasarkan kepada amalan-amalan yang disebutkan tadi, jelaslah bahawa adalah menjadi suatu kewajipan ke atas kedua ibubapa untuk melaksanakan segala amalan-amalan yang dituntut oleh Islam dalam menyambut kelahiran cahayamata. Segala amalan yang dituntut adalah mempunyai hikmat-hikmat dan kelebihannya yang tersendiri dalam membentuk kesejahteraan keluarga muslim. Apabila jiwa anak-anak diresapi oleh roh Islam, dididik mengikut lunas-lunas keimanan yang betul dan dibiasakan dengan didikan akhlak yang mulia akan dapat melahirkan generasi yang ta'tat kepada segala perintah Allah dan Rasul-Nya serta menta'ati kedua ibubapanya.

4. Upacara Perkahwinan Menurut Perspektif Islam

Perkahwinan adalah sebahagian daripada kehidupan, segala perjalanan perkahwinan adalah penting dan perlu diberi perhatian. Ia bukan sahaja tuntutan naluri, malah ia juga merupakan tuntutan syari'ah yang perlu dipenuhi.⁵³ Oleh itu perkahwinan adalah satu cabang 'ibadah yang menjanjikan ketenangan dalam kehidupan.⁵⁴

Islam telah meletakkan garis panduan yang rapi dalam usaha pemilihan jodoh. Walaupun telah diletakkan beberapa ciri seperti kecantikan, harta, kekayaan dan agama, Islam telah menegaskan bahawa agama adalah dasar utama pemilihan disamping akhlak yang mulia.⁵⁵ Ini kerana tujuan atau niat perkahwinan dalam Islam adalah jelas untuk menjaga agama, kehormatan dan memperteguh serta mengeratkan hubungan silaturrahim.

4.1. Merisik dan Bertunang

Sifat saling mengenal sebelum perkahwinan adalah penting. Daripada pertemuan dan perkenalan itu akan membawa mereka mengetahui sifat-sifat dan kebiasaan masing-masing . Meminang adalah adat yang sudah lama wujud sebelum kedatangan Islam dan agama Islam tidak menegahnya bahkan meminang adalah sunnah yang diamalkan oleh Rasulullah S.A.W dan disunatkan kepada

⁵³ Drs. Md. Isa Selamat (2001), *Perkahwinan dan Cinta Kasih*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, h. 58.

⁵⁴ Mahmud Al-Shabbagh (1991), *Tuntutan Keluarga Bahagia Memurut Islam*. Bandung:Penerbit PT Remaja Rosdakarya, h. 1

⁵⁵ Abu Mu'tashim Billah Fathur Rabbani (1997), *Peliharaalah Diri dan Keluargamu Dari Azab Neraka*. Selangor:Pustaka Ilmu, h. 84.

kita semua melakukannya sebagai muqaddimah sebelum melakukan ‘akad perkahwinan.⁵⁶ Meminang ialah lamaran seorang lelaki terhadap perempuan untuk dijadikan isterinya. Dalam erti kata lain, meminang ialah suatu proses untuk menyatakan keinginan daripada seorang lelaki kepada seorang wanita yang boleh dikahwini dengan tujuan untuk mengahwininya serta suatu ikatan atau perjanjian untuk dilangsungkan perkahwinan.⁵⁷

Sebagaimana Islam menggalakkan meminang, Islam juga menggalakkan merisik. Merisik adalah merupakan muqaddimah kepada meminang yang bertujuan untuk memberikan peluang kepada pihak yang merisik samada lelaki atau perempuan mengumpul maklumat serta memberikan gambaran yang jelas di antara keduanya kecenderungan di dalam kehidupan, status sosial, kesihatan, kewangan, keturunan, akhlak, sifat fizikal di dalam kadar yang dibenarkan oleh syara’ sebelum meminang.

Mengikut adat yang berlaku di negara ini, meminang adalah dilakukan oleh pihak lelaki . Walaubagaimanapun, Islam tidak melarang jika peminangan dilakukan daripada pihak perempuan. Samada peminangan itu berlaku daripada pihak lelaki atau perempuan, Islam menyerahkan segala urusan mengikut adat kebiasaan bagi sesuatu bangsa selagi adat tersebut tidak bercanggah dengan ‘akidah Islam.

⁵⁶ Awang Abdul Aziz Bin Juned, Haji., (1995), *Fatwa Mufti Kerajaan*. Brunei: Jabatan Mufti Kerajaan Brunei Darussalam, h. 23.

⁵⁷ Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin (1997), *Pengantar Fiqh*. Kuala Lumpur:Pustaka Salam Sdn. Bhd., h. 164.

4.2. 'Akad Nikah

Rasulullah S.A.W menggalakkan umatnya menjalankan 'akad nikah di masjid kerana disinilah tempat yang banyak diturunkan rahmat dan di masjid juga tempat berkumpulnya orang-orang soleh dan mereka yang ta'at kepada Allah dan Rasul-Nya.⁵⁸ Situasi seperti ini sangat di terima Allah dan mendapat keberkatan lebih-lebih lagi majlis 'akad nikah yang dijalankan itu dikelilingi dan disaksikan oleh golongan yang bertakwa kepada Allah.

4.3. Mas Kahwin

Setiap 'akad perkahwinan mestilah mempunyai mas kahwin dalam bentuk benda yang bernilai walaupun kecil atau faedah dan matlamat yang diberikan oleh suaminya kepada isterinya kerana akad perkahwinan.⁵⁹ Sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W yang dinyatakan oleh al-Bukhārī dan Muslim,⁶⁰

إِلَتْمَسْ وَلُو خَاتِمًا مِنْ حَدِيدٍ

(Hādīth riwayat Bukhārī dan Muslim)

Maksudnya: “Carilah mas kahwin walaupun berupa sebentuk cincin besi”

Semua ketentuan syari'at Islam ditetapkan atas dasar keringanan dan kemudahan, tidak memberatkan dan tidak menyusahkan. Perkahwinan tidak lain adalah perlaksanaan sunnah Rasulullah S.A.W. Oleh itu mengadakan hal-hal yang memberatkan dan berlebih-lebihan dalam istiadat perkahwinan termasuk adat

⁵⁸ *Ibid.* h. 95.

⁵⁹ Latif, *op.cit.*, h. 167.

⁶⁰ Abu Zakaria Yahya Ibn. Syarif al-Nawāwī (676 H), *Syarḥ Ṣaḥīḥ Muslim*. Bil. 1425, Jilid 5, Tahqīq Taha 'Abd Ra'uf Sa'id, Qaherah: Maktabah Taufiqiyah, h. 178-180.

yang berkaitan sebelum perkahwinan adalah merupakan perbuatan atau amalan yang menyimpang dari ketentuan yang digariskan oleh syara'.⁶¹ Atas dasar inilah, Islam menghendaki supaya mas kahwin adalah tidak memberatkan atau menyusahkan agar perkahwinan lebih mudah dilaksanakan.

4.4. Hantaran

Hantaran mengikut adat orang Melayu ialah barang yang terdiri daripada mas kahwin, persalinan, buah-buahan dan makanan. Hantaran dibawa pada hari berlangsungnya perkahwinan dan 'akad nikah samada bagi pihak pengantin lelaki kepada pengantin perempuan dan pihak pengantin perempuan kepada pengantin lelaki dalam jumlah yang ganjil seperti 7, 9, dan 11.⁶² Membawa hantaran adalah harus dalam syari'at Islam selagi benda tersebut bernilai dan membawa faedah serta suci dan tidak ada unsur-unsur yang ditegah oleh syara'.⁶³ Syara' tidak menetapkan bentuk dan kadar yang khusus terhadap hantaran. Ia bergantung kepada kemampuan dan asalkan tidak bertujuan untuk menunjuk-nunjuk, bermegah-megah dan melampau sehingga sampai ke tahap membazir dan berhutang.

4.5. Kenduri Kahwin

Kenduri kahwin ialah jamuan yang diadakan untuk mera'ikan sesuatu perkahwinan samada bagi pihak pengantin lelaki ataupun pengantin perempuan.⁶⁴

⁶¹ Awang, *op. cit.*, h. 95.

⁶² *Ibid.* h. 169.

⁶³ *Ibid.*

⁶⁴ Isa, *op. cit.*, h. 68.

Mengadakan majlis kenduri kahwin hukumnya sunat muakkad iaitu sunat yang sangat dituntut supaya dilaksanakan walaupun sederhana atau kecil-kecilan.⁶⁵ Apa yang penting majlis kenduri tersebut tidak bercampur aduk dengan sebarang unsur-unsur maksiat dan perkara yang bercanggah dengan syara' seperti majlis tari menari, menyanyi, mengadakan majlis secara besar-besaran dengan tujuan untuk menunjukkan kekayaan, membanggakan diri, keluarga dan keturunan.⁶⁶ Walaupun majlis kenduri kahwin sangat digalakkan, namun ia hendaklah diadakan dengan cara yang sederhana sahaja mengikut kemampuan untuk mengelakkan daripada berlaku pembaziran dan ber hutang.⁶⁷ Sebagaimana ḥadīth Rasulullah S.A.W yang diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim;⁶⁸

أولم ولو بشاة

(Hādīth riwāyat Bukhārī dan Muslim)

Maksudnya; “*Adakanlah kenduri kahwin walaupun dengan seekor kambing*”.

Sesiapa yang dijemput atau diundang ke majlis kenduri wajib menghadiri majlis tersebut sekiranya tiada sebarang keuzuran syara' sebagaimana sabda Rasulullah S.A.W,⁶⁹

إذا دعى أحدكم الى الوليمة فليأتها

(Hādīth riwāyat Bukhārī dan Muslim)

Maksudnya: “*Apabila kamu diundang menghadiri walimah (perkahwinan), maka hendaklah kamu datang*”

⁶⁵ al-Anṣārī, *op. cit.*, h. 61.

⁶⁶ Latīf, *op. cit.*, h. 170.

⁶⁷ Ahmad, *op. cit.*, h. 118.

⁶⁸ al-Nawāwī, *op. cit.*, Bil. 1427, h. 181-182.

⁶⁹ Muslim Bin al-Hajjaj al-Qusyairī al-Naisābūrī (t.t.) (m. 20H/865M), *Muslim Ḥadīth al-Jāmi'* al-Ṣāḥīḥ, Bil. 1429, j. 2, Tahqīq Wa Tarkhim Muhamad Fu'ad 'Abdul Bāqī, Beirut: Dār al-Fiqr, h. 1053.

Walaubagaimanapun harus diingat bahawa majlis yang diadakan itu tidak berunsur maksiat dan khurafat.⁷⁰ Islam menggalakkan diadakan majlis kenduri kahwin kerana ia mempunyai hikmat tertentu, antaranya;⁷¹

- i) Untuk menyatakan rasa kesyukuran kepada Allah S.W.T.
- ii) Untuk memberitahu orang ramai tentang perkahwinan tersebut sebagaimana sebuah hadith Rasulullah S.A.W;⁷²

اعلنوا هذا النكاح في المسجد وأضربيوا عليه بالدفوف

(Hádith riwáyat al-Tirmidzi)

Maksudnya: “Umumkanlah perkahwinan ini di masjid-masjid dan pukullah gendang”.

- iii) Untuk mera'ikan dan memuliakan pasangan pengantin baru disamping mengeratkan hubungan kekeluargaan dan ukhuwwah Islamiyyah antara kedua belah pihak pengantin dan di antara masyarakat Islam 'amnya.
- iv) Untuk mengelakkan sebarang fitnah dan prasangka buruk daripada masyarakat terhadap pasangan tersebut sekiranya tidak diadakan majlis kenduri kahwin.

⁷⁰ al-Anṣārī, *op. cit.*, h. 63.

⁷¹ Latif, *op. cit.*, h. 171-172.

⁷² Abu 'Isā Muhammad bin 'Isā al-Tirmidzī (t.t.) (m.279H/893M)(1937H), *Sunan al-Tirmidzī*, Bil 1089, Jilid 3, Al-Jāmi' al-Taḥqīq Aḥmad Syākir Waakharīn, Qāherah: Muṣṭoḥfa al-Baabi al-Halbi, h. 398.

4.6. Majlis Bersanding

Bersanding atau persandingan menurut pengertian bahasa ialah duduk bersebelahan di antara pasangan suami isteri yang baru dikahwinkan di atas pentas khas yang dihias indah.⁷³ Amalan bersanding merupakan suatu adat dan tradisi dalam masyarakat Melayu. Ia asalnya ialah suatu unsur dan pengaruh daripada budaya dan amalan agama Hindu dan animisme serta Islam yang telah bertapak dalam tradisi masyarakat Melayu semenjak turun-temurun.⁷⁴

Dalam konteks lain, amalan bersanding merupakan acara kemuncak dalam upacara perkahwinan dan untuk memeriahkan lagi majlis perkahwinan antara pasangan pengantin baru. Menurut adat orang Melayu juga, majlis persandingan diadakan di rumah pengantin perempuan namun ia tidak semestinya diadakan pada hari 'akad nikah. Tetapi apa yang jelas, pada hari diadakan persandingan tersebut turut diadakan majlis kesyukuran iaitu jamuan nasi dengan menjemput sanak saudara, jiran tetangga dan kerabat terdekat juga kenalan kepada pengantin lelaki dan pengantin perempuan.⁷⁵

Walaupun upacara dan amalan bersanding itu tidak ditentukan dalam syarat 'akad pernikahan serta bukan perkara wajib, namun mufti kerajaan Malaysia telah bersepakat mengharuskan amalan bersanding dengan syarat-syarat tertentu;⁷⁶

⁷³ Latif, *op. cit.*, h. 242.

⁷⁴ *Ibid.*

⁷⁵ Awang, *op. cit.*, h. 107.

⁷⁶ Latif, *op. cit.*, h. 244.

- a) Majlis tersebut tidak ada sebarang unsur-unsur yang bercanggah dengan agama seperti tidak ada percampuran lelaki dengan wanita yang ajnabi serta tiada perkara mungkar.
- b) Tidak berlebih-lebihan hingga tahap berhutang, membazir dan tidak untuk tujuan bermegah-megah dan menunjuk-nunjuk
- c) Mengadakan persandingan secara tertutup untuk muhrim pengantin lelaki dan muhrim pengantin perempuan

Justeru itu, majlis persandingan atau istiadat bersanding hanyalah adat dan ianya bukan daripada budaya Islam. Tetapi jika hendak dilakukan juga, bersanding boleh dilakukan dengan menutup 'aurat dan tidak memakai pakaian atau perhiasan yang dilarang oleh Islam serta tidak dipertontonkan kepada orang asing yang bukan muhrimnya dengan cara dan corak yang tidak berlawanan dengan akhlak dan sopan-santun dalam Islam⁷⁷.

Selaras dengan sikap agama Islam sebagai agama yang mudah dan tidak membazir, maka jalan yang selamat ialah kembali kepada jalan yang diaturkan oleh agama supaya majlis perkahwinan yang dilaksanakan berlangsung dengan cara yang sederhana dan mendapat keredhaan Allah Ta'ala.

⁷⁷ Awang, *op. cit*, h. 107.

5. Pengurusan Jenazah Menurut Perspektif Islam

Mati ialah terputusnya perhubungan di antara roh dan jasad. Mati juga merupakan perpindahan pertama bagi manusia dari alam dunia menuju ke alam akhirat⁷⁸. Bermula dari sini, manusia akan berpindah ke alam barzakh atau alam kubur. Mati adalah perkara yang pasti terjadi bagi semua yang hidup. Firman Allah S.W.T;

كُلُّ نَفْسٍ ذَائِقَةُ الْمَوْتِ وَإِنَّمَا تُؤْفَقُونَ أُجُورَكُمْ يَوْمَ الْقِيَامَةِ

Sūrah Ali-'Imrān (4):185

Terjemahan: "Tiap-tiap yang bernyawa akan merasai mati, dan bahwasanya pada Hari Kiamat sahajalah akan disempurnakan balasan kamu"

Terjemahan Sūrah Ali-'Imrān (4):185

Sebagai agama yang lengkap lagi sempurna, Islam telah mengaturkan adab-adab yang perlu diikuti apabila ada kematian. Di sini, penulis akan membincangkan adab-adab yang disunatkan dalam Islam ketika berlakunya kematian dalam masyarakat Islam. Dalam perbincangan ini juga penulis akan menyentuh tentang amalan-amalan yang biasa dilakukan dalam masyarakat Islam dengan memfokuskan kepada amalan kebiasaan yang dilakukan oleh orang Islam sekarang ini apabila ada kematian di kalangan saudara mereka.

⁷⁸ Bimbingan Hukum, op. cit, h. 123.

5.1. Ucapan Takziah

Antara amalan yang disunatkan dalam Islam apabila ada kematian ialah mengucapkan takziah kepada keluarga simati. Takziah ialah menasihati dan menyatakan kepada orang yang ditimpa musibah tersebut agar bersabar, menyebutkan janji pahala kepada orang yang sabar dan dosa bagi orang yang tidak bersabar serta memohon keampunan bagi simati.⁷⁹

Para Fuqaha' tidak berselisih pendapat tentang sunat (mustahab) mengucapkan takziah kepada orang yang ditimpa musibah atau kesusahan.⁸⁰ Ucapan takziah dilakukan untuk menenangkan atau menghiburkan hati orang-orang yang berduka cita kerana kehilangan orang yang dikasihi. Hal ini telah dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W sebagaimana sabdanya;⁸¹

من عزى مصابا فله مثل أجره

(Hadith riwayat Ibn Majah)

Maksudnya: "Sesiapa yang mengucapkan takziah (pernyataan turut bersedih) orang yang ditimpa musibah, maka dia memperolehi pahala seperti pahala orang yang mendapat musibah".

⁷⁹ Ahmad, *op. cit.*, h. 65.

⁸⁰ *Ibid.*

⁸¹ Muhammad Bin Yazid Bin Majah al-Qazwini (t.t.) (m. 273H/886M)(1395H), *Sunan Ibn Majah*. Bil. 1601, Jilid 1, *Tahqiq Wa Tarkhim Muhammad Fu'ad 'Abdul Baqqi*, Beirut: Dar Ihya' al-Turaath al-'Arabi, h. 511.

5.2. Menangisi dan Meratapi Jenazah

Menangisi kerana perasaan sedih yang tidak tertahan di atas kehilangan orang yang dikasihi seperti kematian seseorang adalah diharuskan. Walaupun menangis itu diharuskan tetapi menangis dengan cara meratap atau menjerit-jerit, menarik rambut, memukul-mukul pipi dan dada atau mengoyakkan baju dan lain-lain adalah haram.⁸² Hal ini telah dijelaskan oleh Rasulullah S.A.W bahawa orang yang berbuat demikian diancam dengan siksaan yang berat sebagaimana sabda Baginda S.A.W;⁸³

لَيْسَ مَنْ مِنْ ضَرَبَ الْخُدُودَ وَشَقَّ الْجَبَوْبَ وَدَعَا بِدُعَى الْجَاهِلِيَّةِ
(Hadith riwayat Bukhari)

Maksudnya: “Tidak termasuk golongan kami orang-orang yang memukul-mukul pipi, mengoyak baju dan berteriak seperti berteriaknya orang Jahiliyah”.

5.3. Mengurus Jenazah

Apabila seseorang muslim meninggal dunia adalah menjadi fardu kifayah ke atas orang-orang yang masih hidup untuk menguruskan jenazah tersebut.⁸⁴ Dalam Islam terdapat empat perkara yang perlu dilakukan dalam pengurusan jenazah iaitu,⁸⁵

⁸² al-Anṣārī, *op. cit.*, h. 101

⁸³ Imam Hafiz Ahmad Ibn 'Ali Ibn Hajar al-Asqalānī (1420 H) (m. 773-852H), *Fath al-Bārī Syarḥ Ṣaḥīḥ Bukhārī*, Bil. 1294, Jilid 3, Beirut: Dar al-Fiqr, h. 512.

⁸⁴ Musytahary, *op. cit.*, h. 165.

⁸⁵ M. Said (1977), *Kitab Janazah Tentang Menyelenggarakan Mayat*. t.t.p:Penerbit Pustaka Melayu Baru, h. 18-19.

- i) Memandikan jenazah
- ii) Mengkafarkan jenazah
- iii) Menyembahyangkan jenazah
- iv) Mengebumikan jenazah

i. **Memandikan Jenazah**

Disyari'atkan mandi ke atas jenazah adalah untuk menghilangkan hadas kerana kematian menyebabkan lembutnya badan dan hilang akal.⁸⁶ Walaubagaimanapun, bagi jenazah yang mati syahid dalam perang atau memerangi orang kafir tidak perlu dimandikan.

Perkara wajib dalam memandikan jenazah ialah menyiramkan air ke seluruh tubuhnya satu kali walaupun jenazah tersebut dalam keadaan junub atau haid.⁸⁷ Cara yang paling baik ialah meletakkan jenazah di atas satu tempat yang agak tinggi, menanggalkan seluruh pakaianya kemudian menutup auratnya dengan kain basahan (kain sarung). Sebaik-baiknya urusan memandikan jenazah dilakukan di tempat yang terlindung dengan tujuan untuk menjaga kea'iban jenazah.⁸⁸ Bagi jenazah lelaki orang yang memandikannya ialah orang lelaki demikian juga dengan jenazah perempuan kecuali suami atau muhrimnya.⁸⁹

⁸⁶ Musytahariy, *op. cit.*, h. 165.

⁸⁷ al-Anṣārī, *op cit.*, Juz. I, h. 90.

⁸⁸ H. Sulaiman Rasjid (1988), *Fiqh Islam*. Kuala Lumpur:Dewan Pustaka Fajar, h. 174.

⁸⁹ al-Syarbini, *op. cit.*, h. 173.

ii. Mengkafankan Jenazah

Mengkafan jenazah boleh dilakukan dengan sesuatu yang dapat menutupinya walaupun hanya satu lapis pakaian.⁹⁰ Kain kafan yang digunakan untuk mengkafan jenazah disunatkan seperti berikut;⁹¹

- a) Kain yang bagus dan bersih serta dapat menutup badan
- b) Kain yang bewarna putih
- c) Hendaklah “diasapi” dengan haruman yang berbau wangi.

Bagi jenazah lelaki, sebaik-baiknya dilapis dengan tiga kain kafan manakala jenazah perempuan pula dilapis dengan lima kain kafan.

iii. Menyembahyangkan Jenazah

Fadhilat solat jenazah adalah sangat besar iaitu menambah kebaikan orang yang menyembahyangkan serta membantu orang yang disembahyangkan. Orang yang menyembahyangkan jenazah mesti suci daripada hadas kecil dan besar, menutup 'aurat dan menghadap kiblat. Walaubagaimanapun solat jenazah tidak disyaratkan masuk waktu terutama kalau tubuh jenazah itu ditakuti akan rosak, maka hendaklah disegerakan sekalipun dalam waktu yang tidak sesuai (makruh).

⁹⁰ *Ibid*, h. 739.

⁹¹ al-Anṣārī, *op. cit.*, h. 93.

iv. Mengebumikan Jenazah

Tujuan dikebumikan jenazah adalah untuk menjaga kehormatannya dan menjaga kesihatan orang-orang yang berada di sekitarnya.⁹² Untuk mengebumikan jenazah sunat digali kubur yang dalamnya setinggi orang yang berdiri.⁹³ Dalam lubang kubur juga sekurang-kurangnya tidak tercium bau mayat dan tidak dapat dibongkar oleh binatang-binatang buas.⁹⁴

Jenazah yang dimasukkan ke dalam kubur hendaklah dihadapkan ke arah kiblat (dadanya menghadap kiblat⁹⁵) dan dibuat pengganjal di belakangnya supaya ia tertelantang di atas bahunya yang sebelah kanan.⁹⁶ Pengikat kafan di kepalanya dibuka oleh orang yang meletakkannya sambil membacakan do'a berikut;⁹⁷

بِسْمِ اللَّهِ وَعَلَى مَلَةِ رَسُولِ اللَّهِ

Terjemahan: “Dengan nama Allah S.W.T dan atas nama Rasulullah S.A.W.”

Menurut para ‘ulama, sunat mengganjal kepala jenazah dengan batu-bata, batu atau tanah. Manakala pipinya yang sebelah kanan diletakkan di atas pengganjal tadi setelah penutup kepala dibuka.⁹⁸ Walaubagaimanapun terdapat beberapa perkara sunat lain yang boleh dilakukan ketika mengebumikan jenazah, antaranya;⁹⁹

⁹² Rasjid, *op. cit.*, h. 192.

⁹³ al-Syarbini, *op. cit.*, h. 179.

⁹⁴ *Ibid.*

⁹⁵ Hijazi, *op.cit.*, h. 65.

⁹⁶ Musytahariy, *op. cit.*, h. 193.

⁹⁷ Hijazi, *op. cit.*, h. 65.

⁹⁸ Musytahariy, *op. cit.*, h. 193.

⁹⁹ Rasjid, *op. cit.*, h. 194-196.

- a) Ketika memasukkan jenazah ke dalam kubur, sunat menutup kain di atasnya sekiranya jenazah perempuan.
- b) Kubur itu sunat ditinggikan dari tanah biasa.
- c) Meletakkan tanda kubur dengan batu atau sebagainya di sebelah kepala jenazah yang dikebumikan.¹⁰⁰
- d) Meletakkan batu-batu kerikil (batu-batu kecil) di atas kubur.
- e) Meletakkan pelelah yang basah di atas kubur
- f) Menyiram kubur dengan air.
- g) Selepas jenazah itu dikebumikan, disunatkan bagi orang yang menghantar dan mengiringinya berhenti sebentar untuk mendoakan kesejahteraannya.

5.4. Majlis Kenduri Arwah

Pada kebiasaan apabila ada kematian, keluarga simati akan mengadakan majlis atau kenduri arwah. Keluarga tersebut akan menjemput seluruh ahli keluarga yang dekat mahupun yang jauh juga sahabat handai serta jiran tetangga ke rumah simati untuk membaca ayat-ayat al-Qur'an seperti surah Yāsin, bertahlil dan sebagainya untuk dihadiahkan pahalanya kepada arwah simati. Selepas bertahlil semua tetamu yang hadir akan dijemput untuk menikmati jamuan yang telah disediakan oleh tuan rumah.¹⁰¹ Persoalannya, apakah amalan sedemikian sesuai dengan kehendak hukum syara'?

¹⁰⁰ Hijazi, *op. cit.*, h. 65.

¹⁰¹ Bimbingan Hukum, *op. cit.*, h. 133.

Sebagaimana yang kita ketahui, Islam sangat menggalakkan berbuat kebajikan seperti bersedekah, memberi makan dengan mengundang orang ke rumah dengan tujuan silaturrahim, membaca ayat-ayat al-Qur'an dan berdo'a beramai-ramai memohon rahmat bagi arwah simati dan sebagainya.¹⁰² Hal ini dijelaskan oleh Allah S.W.T dalam firman-Nya;

وَمَا تُقْدِمُوا لِأَنفُسِكُمْ مِّنْ خَيْرٍ تَجِدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ هُوَ خَيْرٌ وَأَعْظَمُ أَجْرًا
· ٢٩ ·
وَأَسْتَغْفِرُ رَبِّي لِأَنَّ اللَّهَ غَفُورٌ رَّحِيمٌ

Surah al-Muzzammil(29):20

Terjemahan: "Dan (ingatlah) apajua kebaikan yang kamu kerjakan sebagai bekalan untuk diri kamu, tentulah kamu akan mendapat balasannya di sisi Allah sebagai balasan yang sebaik-baiknya dan yang amat besar pahalanya dan mintalah ampun kepada Allah, Sesungguhnya Allah amat Pengampun, lagi amat Mengasihi".

Terjemahan Surah al-Muzzammil (29):20

Jika dilihat kepada kebiasaan kenduri arwah itu diadakan adalah bertujuan untuk memohon keampunan daripada Allah S.W.T bagi simati dengan mengajak dan membawa orang ramai khususnya sanak saudara, agar berdo'a supaya simati mendapat rahmat melalui do'a tersebut selain daripada mengeratkan lagi hubungan persaudaraan (silaturrahim) di kalangan sanak saudara serta jiran. Maka dari sudut ini mengadakan majlis kenduri arwah adalah suatu perbuatan yang baik dan digalakkan dalam Islam.¹⁰³

¹⁰² Ibid.

¹⁰³ Ibid, h. 134.

5.5. Pemberian Wang Untuk Sembahyang Jenazah

Kadang-kadang menguruskan jenazah akan menggunakan perbelanjaan yang banyak kerana keluarga simati akan memberi wang kepada orang-orang yang menyembahyangkan jenazah, membaca al-Qur'an dan tahlil. Berhubung dengan perbelanjaan ini, jika orang yang memberi itu bukan ahli waris seperti kaum kerabat yang terdiri daripada *zawilarham*, anak menantu atau sahabat-sahabat simati dan harta yang diberiikan itu bukan daripada harta simati maka adalah harus diberikan dengan maksud pahalanya untuk simati.¹⁰⁴

Sekiranya orang yang memberi wang itu terdiri daripada ahli waris dan wang yang diberikan ialah harta atau wang pusaka (warisan), hendaklah terlebih dahulu mendapat persetujuan daripada semua ahli waris yang berkenaan. Sekiranya hal ini terjadi, perlu juga diingat bahawa penggunaan wang atau harta pusaka itu tidak menjelaskan perkara-perkara wajib bagi simati seperti menunaikan wasiat, zakat, hutang dan lain-lain.

Dalam hal ini, pemberian yang berupa wang atau seumpamanya kepada orang yang menyembahyangkannya, membaca al-Qur'an atau kepada jemputan yang hadir yang turut mendoakan simati maka pemberian wang tersebut boleh diterima sebagai sedekah kerana simati bukannya upah sembahyang. Si penerima juga boleh membuat pilihan samada menerima sedekah tersebut atau menerimanya kemudian menyedekahkannya semula kepada keluarga simati. Inilah yang lebih *afdal*, kiranya keluarga simati tersebut lebih memerlukannya

¹⁰⁴ *Ibid*, h. 141-142.

atau sangat berhajat kepada wang berkenaan. Di sini perlu diperjelaskan bahawa pemberian sedekah seperti wang kepada orang-orang yang menyembahyangkan jenazah, membaca al-Qur'an, tahlil dan kepada jemputan yang hadir tidaklah termasuk perkara yang dituntut di dalam pengurusan jenazah dan ia bukanlah suatu perkara yang wajib atau sunat yang disyari'atkan oleh agama.¹⁰⁵ Maka sewajarnya pemberian sedekah seperti itu hendaklah mengambil kira bahawa ianya tidak memberati atau membebankan keluarga serta ahli waris simati. Firman Allah S.W.T;

لَا يُكَلِّفُ اللَّهُ نَفْسًا إِلَّا وُسْعَهَا لَهَا مَا كَسَبَتْ وَعَلَيْهَا مَا أَكْتَسَبَتْ

Surah al-Baqarah (3):286

Terjemahan: "Allah tidak memberati seseorang melainkan apa yang terdaya olehnya"

Terjemahan Surah al-Baqarah (3):286

Hal ini juga sesuai dengan ajaran dan pimpinan Rasulullah S.A.W sebagaimana diriwayatkan oleh 'Anas r.a, beliau berkata;¹⁰⁶

كَنَا عِنْدَ عُمَرَ فَقَالَ نَهِيَنَا عَنِ التَّكْلِيفِ

(Hadith riwayat Bukhari)

Maksudnya: "Kami berada di sisi 'Umar lalu beliau berkata: "Kami dilarang daripada sebarang perbuatan yang memberatkan".

¹⁰⁵ Ibid

¹⁰⁶ Abu 'Abdullah bin Ismail al-Bukhari (t.t.) (m. 256H/870M)(1279H), Al-Bukhari Wa Muslim. Bil. 6863, Jilid 6, Al-Jāmi' al-Ṣāḥih Ma'a Syarḥ Faṭḥ al-Bārī, Tarqīm Muhammad Fu'ad 'Abdul Baqī, Nasyr Wa Tauzi' Riyadh: Dār al-Ifta', h. 2659.

Kesimpulannya mengadakan kenduri arwah atau seumpamanya selepas kematian seseorang itu hanyalah satu usaha daripada orang-orang yang hidup. Namun, usaha seseorang itu sendiri disamping rahmat Allah S.W.T adalah penentu kepada nasibnya yang sebenar.

5.6. Berkabung

Menurut Kamus Dewan, berkabung maksudnya memperlihatkan tanda-tanda sedang berdukacita kerana kematian seseorang dan lain-lain. Kematian seseorang yang dikasihi pastinya akan mengundang rasa resah dan duka apatah lagi orang yang meninggal itu adalah terdiri daripada kaum keluarga. Berbagaimana bagai cara dan keadaan yang dilakukan untuk menzahirkan rasa sedih atau dukacita di atas kematian tersebut. Apa yang dapat kita saksikan di sesetengah upacara pengkebumian bagi masyarakat tertentu, kebanyakan mereka yang ditimpa musibah sebegini akan memakai pakaian dengan warna yang mereka anggap sebagai tanda melahirkan rasa sedih mereka¹⁰⁷. Sebahagian besar masyarakat menganggap warna hitamlah yang sesuai dipakai dalam situasi sedemikian. Inilah antaranya yang dikatakan berkabung menurut mafhum adat dan budaya sebahagian tempat.

Tradisi berkabung sememangnya sudah wujud sejak dahulu lagi dengan cara yang berbeza-beza mengikut adat dan kepercayaan. Ini jelas sebagaimana yang berlaku pada zaman Jahiliyyah, perempuan yang kematian suami ada yang

¹⁰⁷ Bimbangan Hukum, *op. cit*, h. 144. ,

dikenakan berbagai pantang-larang yang langsung tidak memberi keselesaan hidup di sepanjang tempoh ‘iddah mereka.

Untuk memenuhi tuntutan berkabung, Islam telah menentukan cara melaksanakannya iaitu dengan meninggalkan apa jua perkara yang mempunyai unsur-unsur yang dianggap sebagai berhias disepanjang tempoh ‘iddah mereka. Rasulullah S.A.W telah menggariskan cara tuntutan berkabung iaitu dengan memakai pakaian yang tidak meharik perhatian. Dengan erti kata lain tidak dibenarkan memakai pakaian yang berwarna terang dan berwana-warni, pakaian yang ketat dan jarang yang boleh menampakkan bentuk badan¹⁰⁸. Selain haram pada umumnya, haram juga semasa dalam tempoh perkabungan.

Inilah sebenarnya berkabung yang mengikut hukum syara’. Oleh itu, perlu diingatkan juga bahawa perempuan yang diwajibkan berkabung supaya mengambil berat terhadap tuntutan yang telah ditetapkan oleh Islam kerana sekiranya tidak ditunaikan pasti akan mendapat dosa.

Saat kedatangan ajal maut hendaklah sentiasa dalam ingatan agar setiap manusia akan bersiap sedia dengan amalan yang membawanya ke syurga. Kenduri arwah, mengadakan tahlil dan membaca al-Qur'an serta do'a atau seumpamanya selepas kematian seseorang itu hanyalah satu usaha daripada orang-orang yang masih hidup. Namun usaha seseorang itu sendiri di samping rahmat Allah S.W.T adalah penentu yang sebenar kepada nasibnya apabila bertemu Ilahi.

¹⁰⁸ *Ibid*, h. 152.